"As of 2023, five out of 26 public-listed oil and gas services and equipment (OGSE) companies in Malaysia, ranked among the top 150 by revenue, have reached at least 30% female representation

on their boards.

"At the senior management level, nine out of the 26 OGSE public-listed companies have achieved at least 30% female representation," she said at Oil and Gas Asia 2024 here yesterday.

"While we still face a significant journey in closing the gender diversity gap, these improvements indicate a meaningful evolution from the industry's traditional norms.

"With ongoing effort and commitment, the oil, gas, and energy sector is steadily advancing towards a more diverse and

resilient future," said Yatimah.

She said that these figures "remind us that diversity is not just a box to check but a critical factor in fostering stronger governance and more inclusive leadership".

"While much work remains, the strides made by these companies affirm that real change is both possible and achievable."

"The energy industry has been proactive in increasing the participation of women in a field that has historically been male-dominated. Today's event is a testament to our progress," she added.

Ramanrao Abdullah of the Malaysian Women in Energy (MyWiE), an advocacy group championing for women rights and equality in the energy sector, said that although women make up 50% of the population, Malaysia still faces one of the lowest female labour force participation rates among upper-middle-income countries.

"Only 51.6% of Malaysian women participate in the workforce compared to 78% of men.

"This disparity highlights the need for continued advocacy and dedication by industry experts

within the MyWiE community," he said at a workshop titled "Fuelling Women in Energy: driving diversity and inclusion across the entire energy sector value chain" at the event.

Ramanrao also called for better study and incentives to enable better maternity benefits for mothers and fathers to allow both parents to support each other.

"For example, paternity leave should be allowed for fathers after the maternity leave ends to ease the return of new mothers to work," said Ramanrao.

THE STAR

Tarikh: 27 SEP 2024



# More retail chains say no to plastics

Move expected to lead to an annual reduction of 200 million single-use bags

By GERARD GIMINO  
gerard.gimino@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The nation's fight to eliminate single-use plastics by 2030 just got more intense. A total of 16 retail chains have decided to back the initiative by doing away with plastic bags.

The chains, which have 7,601 premises nationwide, pledged to do so through the "Say No to Single-Use Plastic Bags" campaign, according to Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming (pic).

The outlets will not provide customers with single-use plastic bags from Oct 1. The move is expected to lead to an annual reduction of 200 million single-use plastic bags in Malaysia.

The retail chains are 7-Eleven; 99 Speedmart; AEON Big; AEON; Eonsave; Giant, Cold Storage and Mercato; Guardian; KK Mart; Lotus; Lulu; Mydin; TF-Value Mart; The Store; emart24; Watsons; and NSK Trade City.

The Malaysia Retailers Association, Malaysia Retail Chain Association, Malaysia Complex Management Association and 1 Utama Shopping Centre are also part of the pledge.

"All Malaysians are encouraged to adopt this effort. Bring your own bag. If you really don't have a reusable bag, you can buy one from the retailer," he said at the launch of the campaign at 1 Utama Shopping Centre here yesterday.

Nga said the campaign was also



to support the Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030 developed by the Natural Resources and Environmental Sustainability Ministry.

"It is everyone's responsibility to ensure this campaign succeeds. It will also have a significant impact on the government's plan

to develop the circular economy," he said.

He said some retailers had already begun the campaign earlier, adding that he hopes more businesses would join this initiative.

Earlier in his speech, Nga stressed that the move does not intend to go against the plastics industry.

"We are only stopping single-use plastics, with the exception of wet markets. Sustainable development goals must not just be a slogan but a reality," he said.

Nga also pointed out the Malaysian plastics industry's contribution to the national gross domestic product, saying it generated RM9.97bil in 2018 and RM11.77bil in 2023.

"The industry has immense potential to be further explored through the circular economy."

Separately, Nga said the ministry is drafting a law where those repeatedly convicted of littering will have to do community service with cleaning work.

He said the new law, dubbed the Social Work Order, will see repeat offenders having to clean roads and drains as well.

"Cleanliness is everyone's responsibility. We need to uphold civic awareness collectively. If we don't like rubbish being put in our houses, let's not do the same outside," he said.

Nga said offenders will also be given a "special uniform" to be worn when carrying out cleaning works.

THE STAR

Tarikh: 27 SEP 2024



# Tindakan terhadap rasuah kekal jadi keutamaan kerajaan

SH  
27/9  
**ISKANDAR PUTERI** - Tindakan tegas terhadap rasuah kekal menjadi keutamaan kerajaan untuk memastikan negara mencapai kecekapan dan ketelusan yang lebih baik serta memudahkan urusan perniagaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kestabilan yang terhasil daripada majoriti dua pertiga di Parlimen membolehkan kerajaan memastikan Malaysia memiliki tadbir urus yang lebih baik sekali gus membersihkan imej negara yang kadangkala dikaitkan dengan tahap rasuah tinggi dan tadbir urus lemah.

"Sebab itulah dengan tepat mengapa tindakan tegas terhadap rasuah jelas menjadi keutamaan kerajaan dan kita mesti kekal konsisten memastikan ia berterusan.

"Melalui langkah tadbir urus berkesan dan membawa negara keluar daripada rasuah, kita akan mencapai kecekapan dan ketelusan yang lebih baik serta mempermudah urusan perniagaan," katanya.

Anwar berkata demikian dalam ucapan pada Invest Malaysia Iskandar 2024 di sini pada Khamis.

Sementara itu, Anwar menyeru penglibatan lebih besar daripada sektor swasta untuk meningkatkan lagi pembangunan bakat di Malaysia.

"Penglibatan sektor swasta dalam pendidikan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) dan latihan teknikal dalam AI (kecerdasan buatan) akan jauh lebih cekap berbanding menjalankannya sebagai program pendidikan biasa," katanya.

Perdana Menteri berkata, isu mengenai

bakat telah dibangkitkan kepadanya oleh syarikat multinasional (MNC) beroperasi di Malaysia yang merasakan kekurangan penglibatan bakat tempatan pada peringkat tertinggi syarikat berkenaan.

"Kebanyakan syarikat (MNC) meluahkan kebimbangan, walaupun berbangga dengan hakikat bahawa kita (Malaysia) mempunyai tenaga kerja yang berdisiplin dan berkelayakan, namun kita kekurangan (bakat) pada peringkat tertinggi.

"Peringkat tertinggi itu mesti diberikan kepada golongan muda yang perlu diberikan peluang untuk dilatih sekarang, dan hal itu perlu dilakukan bersama-sama dengan sektor swasta khususnya melatih pekerja melalui institusi kerajaan untuk keperluan mereka sendiri," katanya.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, Malaysia dan Singapura adalah rakan yang baik dan hubungan ini tidak seharusnya terganggu oleh sebarang isu yang timbul antara kedua-dua negara.

"Kita (Malaysia dan Singapura) sudah tentu mempunyai masalah. Semua orang mempunyai masalah dengan jiran mereka, tetapi ia adalah perkara kecil.

"Sebab itulah saya teruja bekerjasama dengan Singapura dan sudah tentunya memberi keutamaan kepada kerjasama ASEAN yang kami, Malaysia, akan menjadi pengerusi tahun depan," kata beliau.

Invest Malaysia Iskandar ialah edisi kelima dalam siri Invest Malaysia tahun ini, selepas edisi sebelumnya di Melbourne, Australia pada Mac, China (April), Singapura (Ogos) dan Hong Kong (September).  
- Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: .....2.7...SEP...2024....



# 53 peratus guna gaji sepenuhnya

84 27/9

Ramai rakyat Malaysia berbelanja melebihi pendapatan bulanan

Oleh AISYAH BASARUDDIN  
KUALA LUMPUR

**S**ebanyak 53 peratus pekerja di Malaysia menggunakan sepenuhnya gaji mereka malah ada antara mereka berbelanja melebihi pendapatan bulanan.

Dapatan tersebut diperoleh hasil Tinjauan Literasi Kewangan Malaysia RinggitPlus (RMFLS) 2024 melibatkan 3,390 responden di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif RinggitPlus, Siew Yuen Tuck berkata, 38 peratus daripada responden turut menyatakan mereka mampu bertahan kurang dari tiga bulan sahaja sekiranya kehilangan pekerjaan.

Bagaimanapun menurutnya, 18 peratus lagi mampu mengekalkan gaya hidup masing-masing dengan selesa selama lebih dari enam bulan.

"Sebanyak 55 peratus rakyat Malaysia pula mengakui cemas dan malu dengan situasi kewangan mereka disebabkan komitmen bulanan yang tinggi.

"Namun tidak dinafikan ada antara mereka mengakui tahap kewangan mereka bertambah baik berbanding tahun lalu iaitu sebanyak 47 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan hasil Tinjauan RMFLS 2024

di Menara Etiqa, Bangsar di sini pada Khamis.

Hadir sama, Ketua Pegawai Pemasaran PayNet Malaysia, Gary Yeoh; Ketua Pegawai Pemasaran FWD, Susan Ong; Pengurus Jangkauan Komuniti dan Acara CTOS, Noor Hazwani Mohamad Noor serta Ketua Kumpulan Pegawai Perbankan Pelanggan Alliance Bank, Gan Pai Li.

Dalam pada itu, Yuen Tuck berkata, 95 peratus rakyat negara ini sudah mengambil pendekatan proaktif untuk menambah baik tahap kewangan iaitu meminimumkan perbelanjaan bulanan, mengurangkan makan di luar dan mengawal aliran keluar masuk wang.

"Di RinggitPlus, kami komited untuk membantu rakyat Malaysia menangani cabaran kewangan mereka.

"Dengan kerjasama rakan strategik, kami mahu mencipta kandungan yang relevan dan tepat menerusi tinjauan ini, sekali gus mengembangkan capaian untuk mendidik lebih ramai komuniti," jelas beliau.

**Satu pertiga pernah alami cubaan penipuan dalam talian**

Sementara itu, lebih satu pertiga atau 38 peratus rakyat Malaysia pernah berdepan cubaan penipuan kewangan dalam talian tahun ini walaupun jumlah kes berkenaan menurun kepada 86 peratus berbanding 94 peratus pada 2023.

Yuen Tuck berkata, penurunan kes cuba menipu itu menunjukkan kempen

kesedaran 'Jangan Kena Scam' yang digerakkan oleh agensi kerajaan membuahkan hasil.

"Malah, 56 peratus responden memuji kempen kesedaran ini kerana ia membantu mereka mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan.

"Walaupun situasi ini bergerak ke arah hala tuju yang betul, banyak lagi perkara yang perlu dilakukan untuk melindungi rakyat Malaysia," katanya.

Yuen Tuck berkata, tinjauan RMFLS juga mendapati 32 peratus rakyat Malaysia masih kurang cakna tentang tindakan atau individu yang mesti dihubungi apabila berhadapan situasi penyamaran dan pemberitahuan transaksi penipuan.

Menurut beliau, ia adalah satu kelemahan berterusan yang wajib ditangani sebaik mungkin terutamanya apabila era digitalisasi kian berkembang.

"Masyarakat pula semakin bijak menggunakan aplikasi digital untuk mengurus kewangan peribadi mereka.

"Ini kerana 95 peratus responden menggunakan sekurang-kurangnya satu e-dompot.

"Kebergantungan terhadap media sosial sebagai sumber utama maklumat kewangan juga ketara dengan markah kepercayaan sebanyak 4.0 berbanding 3.7 tahun lalu.

"Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk meningkatkan tahap celik kewangan digital agar rakyat Malaysia mempunyai sumber yang diperlukan bagi memerangi penipuan," ujarnya lagi.



YUEN TUCK



## DAPATAN TINJAUAN RMFLS 2024

RMFLS 2024 melibatkan 3,390 responden, 52 peratus lelaki, 48 peratus wanita.

- 38% rakyat Malaysia pernah berdepan cubaan penipuan kewangan dalam talian.
- 33% sahaja yang mampu menyimpan lebih RM500 sebulan, 28 peratus adalah wanita.
- 53% guna sepenuhnya kepada gaji bulanan.
- 38% hanya mampu bertahan kurang tiga bulan jika kehilangan kerja.
- 55% mengaku cemas dan malu dengan situasi kewangan masing-masing disebabkan komitmen bulanan yang tinggi.
- 47% mengatakan keadaan kewangan semakin baik tahun ini berbanding 2023.
- 95% ambil pendekatan proaktif dengan meminimumkan perbelanjaan bulanan dan kurangkan makan.
- 45% mempunyai lebih daripada satu akaun bank digital.
- 57% tidak mempunyai kad kredit.
- 95% menggunakan sekurang-kurangnya satu aplikasi e-dompot.
- 53% membayar penuh kad kredit mereka setiap bulan.
- 19% sahaja percaya simpanan KWSP mereka mencukupi apabila bersara kelak.
- Separuh daripada responden tidak mengeluarkan sebarang wang daripada Akaun 3 KWSP manakala 37 peratus sudah berbuat demikian.
- 42 peratus rakyat Malaysia tidak dilindungi insurans kesihatan, hanya 14 peratus sahaja bergantung kepada insurans kesihatan disediakan syarikat masing-masing.
- 48 peratus sahaja rakyat Malaysia mempunyai polisi insurans.

SINAR HARIAN  
27 SEP 2024

Tarikh: .....



94  
27/9

## 28 peratus wanita mampu simpan RM500 sebulan

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak 28 peratus wanita di negara ini mampu menyimpan lebih dari RM500 sebulan iaitu peningkatan sebanyak tiga peratus berbanding 25 peratus pada tahun lalu, mengikut dapatan Tinjauan RMFLS 2024.

CEO RinggitPlus, Siew Yuen Tuck berkata, golongan ter-

sebut tidak mudah terjejas dari segi kewangan kerana kira-kira 38 peratus daripada mereka juga mampu bertahan tanpa sebarang pekerjaan selama empat bulan atau lebih.

"Sebanyak 38 peratus wanita boleh bertahan lebih dari empat bulan tanpa bekerja berbanding 30 peratus pada 2023.

"Bahkan 57 peratus daripa-

da mereka mula merancang literasi kewangan masing-masing sebelum bersara," katanya.

Yuen Tuck memaklumkan, meskipun terdapat peningkatan signifikan, masih banyak perkara perlu dilaksanakan untuk mengekalkan trend positif itu bagi mencapai keseksamaan antara wanita dan lelaki.

Tambahnya, tidak dinafikan masyarakat juga mula mengamalkan tabiat kewangan secara teratur dari segi mengurangkan perbelanjaan harian dan memulakan perancangan persaraan.

"Justeru, disiplin kewangan berterusan amat diperlukan. Dapatan ini menggambarkan titik perubahan yang berpotensi

membawa kesejahteraan buat rakyat Malaysia.

"Diharapkan ia akan terus meningkat pada masa hadapan.

"Penting untuk kita melengkapkan orang ramai dengan pengetahuan yang tepat bukan sahaja untuk membantu mereka supaya terus bertahan, tetapi bergerak seiring dengan kemajuan digital," ujar beliau.



SINAR HARIAN

Tarikh: .....27.....SEP.....2024..



# Pendapatan rakyat Selangor paling tinggi

Catat pertumbuhan tahunan sebanyak RM410 atau naik 5.1 peratus

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY  
SHAH ALAM

Negeri Selangor mencatat pertumbuhan pendapatan isi rumah paling tinggi di Malaysia sementara Putrajaya dan Kuala Lumpur mencatatkan penurunan yang ketara.

Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) dalam laporannya, Keadaan Isi Rumah 2024: Isi Rumah dan Pandemik 2019-2022 (SOH 2024) berkata, Selangor merekodkan prestasi yang lebih baik dengan peningkatan purata tahunan sebanyak RM410 dengan purata kadar pertumbuhan tahunan (CAGR) sebanyak 5.1 peratus.

Laporan itu menyebut, pendapatan bagi daerah-daerah di Selangor, kecuali Klang dan Petaling berada dalam *decile* (kaedah pengiraan statistik) tertinggi pertumbuhan.

Daerah dengan pertumbuhan pendapatan isi rumah tertinggi pada 2019 hingga 2022 ialah Kuala Langat (11%), Sepang (10%) dan Hulu Langat (8%).

KRI melaporkan, dari 2016 hingga 2019, semua negeri di Malaysia kecuali Sabah telah mencatatkan pertumbuhan posi-



PELABUHAN KLANG di Selangor. Rakyat negeri ini masih mencatat pertumbuhan pendapatan boleh guna semasa pandemik Covid-19 sebanyak 4.6 peratus.

tif dalam pendapatan median isi rumah, sebelum mencatat penurunan ketara bagi tempoh 2019 hingga 2022.

"Penurunan ketara dalam pendapatan median isi rumah, berlaku terutamanya di Putrajaya (-1.3%) dan Kuala Lumpur (-2.5%)," katanya menerusi Facebook KRI pada Khamis.

Jelas laporan itu, beberapa daerah di Sabah dan Sarawak juga menunjukkan daya tahan sepanjang tempoh 2019 hingga 2022, menempatkan daerah-daerah terbabit dalam kalangan daerah dengan pertumbuhan tertinggi.

"Menariknya, banyak daerah di Sabah dan Sarawak yang mencatat pertumbuhan pada *quintile* (kaedah pengiraan statistik) terendah pada 2016 hingga 2019, menunjukkan peningkatan ketara

pada tempoh 2019 hingga 2022," katanya.

Sementara itu, laporan SOH 2024 mendapati pendapatan boleh guna median sebenar isi rumah di peringkat nasional jatuh dengan ketara daripada RM110 pada tempoh 2016-2019 (2.1%) kepada hanya RM16 (1%) pada tempoh 2019-2022.

"Semua negeri dan Wilayah Persekutuan mencatatkan pertumbuhan positif bagi tempoh 2016-2019, namun, antara 2019 dan 2022, hanya lima negeri menunjukkan peningkatan dalam pertumbuhan pendapatan boleh guna isi rumah, iaitu Selangor (4.6%), Sarawak (0.7%), Johor (0.7%), Pahang (0.4%) dan Sabah (0.2%)," jelas KRI.

Selangor paling menonjol, dengan peningkatan purata mutlak sebanyak RM303.

SINAR HARIAN

Tarikh: ..... 27 SEP 2024



## Miskin bandar naik 4.5 peratus sebab Covid-19

Sht 27/9

**KUALA LUMPUR** - Kemiskinan mutlak meningkat dari 2019 hingga 2022, terutamanya dalam kalangan isi rumah bandar, menokok kepada 4.5 peratus menjelang 2022 berbanding hanya 3.8 peratus pada 2019, menurut laporan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI).

Dalam laporannya, Keadaan Isi Rumah 2024: Isi Rumah dan Pandemik 2019-2022, ia memberitahu Kuala Lumpur merupakan kawasan dengan peningkatan isi rumah tertinggi iaitu 6,774 isi rumah, diikuti Kuala Muda (5,229) dan Kota Kinabalu (5,117).

Laporan tersebut menjelaskan pandemik Covid-19 telah merencatkan semua pencapaian terdahulu yang dibuat bagi mengurangkan kemiskinan.

"Pandemik secara tidak seimbang menjejaskan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah," katanya.

KRI melaporkan bahawa isi rumah berpendapatan RM3,000, RM5,000, RM11,000 dan ke atas menyaksikan pertumbuhan 2 peratus, 5.1 peratus serta 6.6 peratus, masing-masing pada 2022, manakala mereka dalam kategori berpendapatan rendah menurun serendah 40.9 peratus.

"Kawasan dengan isi rumah yang agak tinggi dalam kemiskinan mutlak mempunyai akses yang lebih rendah kepada kemudahan asas, menunjukkan kaitan yang rapat antara miskin kewangan dan bukan wang," katanya.

Oleh itu, laporan tersebut mencadangkan sasaran dan dasar pembangunan ekonomi yang inklusif bagi mengurangkan jurang setempat, me-

ningkatkan akses kepada kemudahan asas serta menyokong pertumbuhan pendapatan.

Selain itu, pengeluaran dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berkaitan Covid-19 telah meluaskan jurang pendapatan secara mendadak, menjejaskan pencarum berpendapatan rendah secara tidak seimbang.

"Individu yang berpendapatan rendah telah mengeluarkan hampir semua simpanan mereka (sehingga 98 peratus dalam kumpulan umur 30 dan ke bawah serta kumpulan umur 30-54), berbanding kadar yang jauh lebih rendah dalam kumpulan berpendapatan yang lebih tinggi," katanya.

KRI juga berkata secara nasional, perbelanjaan isi rumah sebagai peratusan pendapatan berterusan meningkat, dengan isi rumah bandar menyaksikan pertumbuhan yang lebih tinggi (5.6 peratus) berbanding luar bandar (3.6 peratus) dari 2014 hingga 2022.

Laporan itu menyebut secara amnya, isi rumah memperuntukkan bahagian terbesar perbelanjaan bulanan mereka kepada tiga keperluan asas iaitu perumahan dan utiliti (23.2 peratus), makanan di rumah (16.3 peratus), makan di luar 15.3 peratus dan pengangkutan 11.3 peratus.

"Makanan di luar rumah dengan pantas menggantikan makanan di rumah, dengan isi rumah Malaysia membelanjakan hampir separuh atau 48 peratus daripada perbelanjaan makanan mereka untuk makanan di luar rumah selepas wabak," katanya. - *Bernama*

SINAR HARIAN

Tarikh: .....2..7...SEP...2024..



## Tiada lagi beg plastik bermula 1 Oktober

**PETALING JAYA** - Sebanyak 20 pasar raya besar termasuk pasar raya, kedai serbaneka, farmasi, kesihatan serta kecantikan akan menghentikan penggunaan beg plastik sepenuhnya bermula 1 Oktober ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata, antara 8,000 premis perniagaan yang menyertai inisiatif itu ialah 99Speedmart, Aeon, 7-Eleven, TF Value Mart dan Guardian.

"Ada yang sudah melaksanakan inisiatif ini, tetapi pada hari ini mereka menandatangani akujanji dengan berkrar melaksanakannya secara besar-besaran mulai minggu depan.

"Sekiranya pelanggan tidak membawa beg sendiri, mereka boleh membeli beg kitar semula di kedai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas melancarkan kempen "Tiada Beg Plastik Sekali Guna" di sini pada Khamis.

Kor Ming berkata, menerusi pelaksanaan inisiatif itu, penggunaan 200 juta beg plastik setahun dijangka dapat dikurangkan, sekali gus mengurangkan jumlah sisa yang perlu dilupuskan serta membantu memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah sedia ada.

Beliau berkata, kerajaan terpaksa menanggung kos peng-



**Kor Ming (dua dari kanan) mengadakan lawatan ke Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS) semasa hadir ke Prapelanaran Hari Cuci Malaysia: Program Pembersihan Mega Sempena World Cleanup Day 2024 pada Khamis.**

urusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang tinggi iaitu sebanyak RM2 bilion setahun dan sedang berusaha mengurangkan pergantungan ke atas tapak pelupusan.

"Pada masa ini, Malaysia mempunyai 114 tapak pelupusan tidak sanitari dan 22 tapak pelupusan sanitari.

"Pembukaan dan naik taraf tapak pelupusan memertukan kos yang sangat tinggi," katanya.

Sementara itu, Kor Ming berkata, Hari Cuci Malaysia yang akan dilaksanakan di seluruh negara pada Sabtu ini bakal tersenarai dalam *Malaysia Book of*

*Records* (MBOR) sebagai program gotong-royong paling besar dalam sejarah.

"Lebih 50,000 orang dari seluruh negara dijangka hadir, termasuk penyertaan 156 pihak berkuasa tempatan (PBT) dan saya harap seluruh rakyat Malaysia dapat bersama-sama dalam program itu," katanya.

Kor Ming berkata, majlis pelancaran akan dirasmikan beliau bersama-sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa di Pasar Seni, Kuala Lumpur bersempena *World Cleanup Day 2024*. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: .....27 SEP. 2024.....



## Kaji semula SOP ramalan cuaca - Nik Nazmi

**SHAH ALAM** - Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mengarahkan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) mengkaji semula prosedur operasi standard (SOP) penyediaan dan penyebaran maklumat, nasihat atau amaran cuaca.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, ini membolehkan maklumat dapat dikeluarkan lebih kerap apabila cuaca dijangka bertukar ekstrem.

Beliau berkata, METMalaysia juga perlu menambah baik aspek komunikasi dalam penyebaran maklumat dan amaran cuaca lebih berkesan supaya orang ramai lebih cakna terhadap keadaan cuaca semasa, sekali gus mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

"Kementerian mengambil maklum laporan media menyatakan METMalaysia tidak mengeluarkan amaran cuaca disebabkan ramalan dikeluarkan lima hari terdahulu masih efektif," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, Nik Nazmi berkata, Fasa Peralihan Monsun yang bermula minggu ini dan berterusan sehingga awal November depan menandakan berakhirnya Monsun Barat Daya sejak 17 Mei lalu.

Beliau berkata, sepanjang fasa ini, negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah.

"Situasi ini boleh menggalakkan kejadian ribut petir yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa singkat terutama pada waktu petang dan awal malam di seluruh negara.

"Keadaan cuaca sebegini berpotensi menyebabkan banjir kilat, pokok tumbang dan kerosakan struktur," katanya.



NIK NAZMI

SINAR HARIAN  
Tarikh: ...2.7.SEP.2024.....



# Wajib ada sijil khusus sertai tender kerajaan



Azam menyampaikan ucapan ketika Majlis Perasmian Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Antirasuah Kali Ketiga anjuran BPGN SPRM di Bangi pada Khamis.

Syarikat memiliki pensijilan MS ISO 37001 ABMS akan diberi keutamaan bagi projek bernilai lebih RM100 juta

Oleh HISYAMUDDIN AYUB BANGI

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JK-KTN) bersetuju cadangan menggalakkan semua syarikat pembinaan mendapatkan pensijilan MS ISO 37001 Anti Bribery Management System (ABMS).

Ketua Pesuruhjaya Suruhan-

jaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, perolehan sijil berkenaan membuktikan kesungguhan pihak syarikat sektor pembinaan gred G7 memiliki pemahaman mengenai pembanteraan rasuah.

"Sekiranya MS ISO 37001 ABMS tidak diperolehi, syarikat berkemungkinan besar tidak boleh menyertai tender dikeluarkan Kementerian Kewangan.

"Inisiatif ini menyokong prinsip liabiliti korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009," katanya ketika menghadiri Majlis Perasmian Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Antirasuah Kali Ketiga anjuran Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN) SPRM di sini pada Khamis.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Mengulas lanjut, Azam berka-

ta, syarikat yang layak akan diberi keutamaan dalam perolehan kerajaan bagi projek kerja bernilai lebih RM100 juta bagi tempoh dua tahun pertama.

Dalam pada itu, Azam berkata, kelemahan sistem tatakelola dan salah guna kuasa dalam sektor pembinaan menjadi tumpuan SPRM dalam memerangi rasuah.

"Sektor pembinaan dilihat terdedah kepada berlakunya kes rasuah berikutan melibatkan banyak peluang projek dilaksanakan.

"Sehubungan itu, tumpuan utama SPRM ketika ini adalah membabitkan kontrak kerajaan dengan syarikat pembinaan di peringkat negeri dan Persekutuan," katanya.

Menurut Azam, sektor pembinaan adalah salah satu sektor di bawah pemerhatian SPRM dengan tumpuan terhadap kontrak melibatkan kerajaan.

SINAR HARIAN

27 SEP 2024

Tarikh: .....



# AI atasi air pasang besar



ILMU  
KEJURUTERAAN  
DARIPADA  
AL-QURAN

MUHDIN ARIFIN

84  
27/9

Fenomena air pasang besar di pantai barat Semenanjung berlaku setiap tahun antara September dan November. Namun sehingga kini belum ada *total solution* yang dilaksanakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Penulis pernah menulis artikel bertajuk 'Jangan Kompromi Masalah Banjir' diterbitkan *Sinar Harian* pada 3 Jun 2022. Ia kisah taufan Katrina kategori 5 yang membada New Orleans, Amerika Syarikat (AS) pada Ogos 2005 menyebabkan kerugian lebih RM443 bilion. Banjir yang menenggelamkan 80 peratus bandar itu ditangani dengan sebaik-baiknya oleh AS.

Fenomena kenaikan paras laut ialah kebimbangan global yang membawa implikasi meluas kepada masyarakat pesisir. Secara jujur, penulis berpendapat fenomena air pasang besar di negara ini dibiarkan tanpa *total solution*.

Peningkatan berterusan purata ketinggian paras laut di seluruh dunia didorong interaksi faktor yang kompleks. Ia mungkin disebabkan alam semula jadi

dan perbuatan manusia. Memahami faktor tersebut penting untuk membangunkan strategi berkesan bagi mengurangkan kesan kenaikan paras air laut.

Aktiviti manusia memainkan peranan besar dalam memburukkan lagi kadar kenaikan paras laut. Pembuangan bahan asing ke laut; pembakaran bahan api fosil, penebangan hutan dan proses perindustrian membebaskan sejumlah besar gas rumah hijau seperti karbon dioksida dan metana ke atmosfera. Gas berkenaan memerangkap haba, menyebabkan iklim bumi menjadi panas pada kadar yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Pemanasan itu mempercepatkan pencairan glasier dan kepingan ais menyumbang kepada kenaikan paras laut.

Pengekstrakan air bawah tanah untuk pelbagai tujuan termasuk pertanian dan kegunaan industri menyebabkan penurunan tanah. Apabila air bawah tanah diekstrak, akuifer boleh menyebabkan tanah tenggelam sekali gus meningkatkan ketinggian relatif laut berbanding daratan.

Menangani isu kenaikan paras laut memerlukan pendekatan jangka panjang. Kerajaan mesti melabur dalam infrastruktur pantai seperti membina tembok laut dan halangan gelombang bagi mengelak kesan kenaikan paras laut.

Penulis juga ingin mencadangkan kerajaan melakukan penambahbaikan struktur dengan membina sistem tembok laut dan bendungan yang teguh di sepanjang garis pantai bagi menghalang

air laut daripada menenggelami kawasan pedalaman pantai. Struktur tersebut boleh dibuat daripada pelbagai bahan seperti konkrit, keluli atau batu. Impak kecerdasan buatan (AI) boleh digunakan menyelesaikan masalah berkenaan.

Selain itu, memasang pintu air pasang dan pintu air boleh mengawal aliran air laut masuk serta keluar daripada kawasan pantai sekali gus mengelakkan banjir berlebihan ketika air pasang. Struktur berkenaan boleh dibuka dan ditutup mengikut keperluan bagi mengawal paras air.

Sistem saliran berasaskan AI pada stesen pam berkuasa boleh membantu mengeluarkan air berlebihan daripada kawasan banjir. Kaedah ini sangat berkesan di Belanda. Stesen berkenaan boleh dikuasakan oleh penjana elektrik atau diesel dan dilengkapi sistem sandaran bagi memastikan operasi berterusan ketika gangguan bekalan elektrik.

Mencipta kawasan lembangan tadahan air juga boleh membantu memerangkap dan menyimpan limpahan air pasang besar sekali gus mengurangkan kadar aliran air ke dalam sistem perparitan dan mencegah banjir kilat.

Pada masa yang sama, menaikkan bangunan dan infrastruktur menerusi penggunaan tiang atau asas bertingkat lain melebihi paras banjir, boleh membantu melindunginya daripada kerosakan ketika banjir kilat. Sistem amaran awal menggunakan tolak air pasang di sepanjang garis pantai juga boleh memberi-

kan data masa nyata tentang paras laut. Maklumat tersebut sangat berguna untuk pemindahan dan mengaktifkan pelan tindak balas kecemasan, selain menggunakan model ramalan cuaca lanjutan bagi meramalkan masa dan intensiti ribut yang boleh menyebabkan air pasang.

Bagaimanapun, penulis sangat berminat kepada 'Penyelesaian Dikuasakan AI untuk Banjir Kilat Air Pasang Besar'. AI menawarkan penyelesaian inovatif menerusi analisis data, ramalan dan pengoptimuman seterusnya mencipta strategi berkesan dan cekap untuk menguruskan banjir air pasang. Salah satu aplikasi AI yang terbaik ialah ialah pembangunan model ramalan lanjutan atau *generative AI* dengan menganalisis data sejarah tentang pasang surut, corak cuaca dan keadaan pantai. Algoritma *generative AI* boleh mengenal pasti corak dan arah aliran yang mungkin menunjukkan peningkatan risiko banjir kilat. ALLAH SWT mengiaskan perkara ini dalam Surah An-Nahl [16:14-17] dan Surah Al-Jaatsiyah [45:12-13].

Mungkin juga penubuhan pusat kecemerlangan kepakaran (CoE2) dengan pelbagai disiplin kejuruteraan dan teknologi dalam pengurusan pantai boleh memberi *total solution* yang baharu kepada Malaysia.

*\*Dr Ir Muhidin Arifin ialah Ketua Pegawai Operasi Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC)*

SINAR HARIAN  
Tarikh: ..... 27 SEP 2024 .....



# Kaji SOP amaran cuaca

KOSMO  
27/9

**PUTRAJAYA** – Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) diarah mengkaji semula prosedur operasi standard (SOP) penyediaan dan penyebaran maklumat supaya amaran dapat dikeluarkan dengan kerap terutama apabila cuaca menjadi ekstrem dan melampau.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, cadangan penambahbaikan itu dibuat supaya penyebaran maklumat disampaikan secara efektif dan mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

Terdahulu, terdapat laporan mengatakan MetMalaysia tidak memberi amaran cuaca disebabkan ramalan yang telah dikeluarkan lima hari terdahulu masih lagi efektif.

Ia ekoran kejadian ribut dan hujan lebat kebelakangan ini mengakibatkan banyak kes pokok tumbang, banjir dan ribut.

“Orang ramai perlu peka dan berwaspada ramalan dan amaran cuaca dikeluarkan MetMalaysia,” katanya.

KOSMO

27 SEP 2024

Tarikh: .....



# Tindakan tatatertib ketua jabatan cuai

**PUTRAJAYA** – Ketua jabatan yang gagal melaksanakan pusingan kerja bermula Oktober ini akan dikenakan tindakan tata-tertib kerana dianggap cuai dalam melaksanakan tugas dan tidak bertanggungjawab.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkata, ketua jabatan terlibat boleh dikenakan tindakan mengikut Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].

Katanya, pusingan kerja dapat membendung dan menangani masalah prestasi kerja, ketirisan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

“Dalam usaha memastikan setiap kementerian dan jabatan berupaya meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara optimum dan berkesan, semua ketua jabatan dikehendaki melaksanakan pusingan kerja di organisasi masing-masing mulai Oktober.

“Mereka yang gagal boleh disifatkan sebagai cuai dalam melaksanakan tugas dan tidak bertanggungjawab,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

JPA berkata, saranan pusingan kerja itu merupakan salah satu inisiatif yang disasarkan dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam selari dengan Surat Edaran Pelaksanaan Urusan Pusingan Kerja dikeluarkan JPA pada 14 Mei



Dalam usaha memastikan setiap kementerian dan jabatan berupaya meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara optimum dan berkesan, semua ketua jabatan dikehendaki melaksanakan pusingan kerja di organisasi masing-masing mulai Oktober.”

lalu.

Katanya, langkah itu merupakan elemen penting dalam pengayaan dan perluasan tugas yang menyumbang kepada kemajuan kerjaya pegawai awam daripada segi peningkatan kompetensi, pengalaman dan motivasi.

“Jadi, semua ketua jabatan hendaklah memandang serius terhadap pelaksanaan pusingan kerja di kementerian dan jabatan masing-masing,” katanya.

Menurut kenyataan itu, ketua jabatan perlu mengenal pasti dan melaksanakan pusingan kerja terhadap pegawai yang wajar ditukarkan.

KOSMO  
27/9

KOSMO

Tarikh: 27 SEP 2024



Kosmo 27/9

# Buang 8 tong bahan kimia ke parit

**SHAH ALAM** – Sebanyak lapan tong dipercayai berisi bahan kimia dibuang secara haram ke dalam alur parit di kawasan perindustrian, Jalan Desa Aman, Sungai Buloh, dekat sini kelmarin.

Kejadian itu dikesan kira-kira pukul 2 petang sebelum Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bergegas ke lokasi.

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin berkata, semakan mendapati kesemua tong itu tidak mempunyai label.

“LUAS dan MPS turut menge-

san bau kuat seakan bahan kimia di lokasi pembuangan tersebut.

“Pemerhatian lanjut LUAS mendapati alur parit tersebut memasuki Sungai Gasi seterusnya ke Sungai Buloh. Tiada muka sauk loji rawatan air (LRA) berada di hilir aliran terlibat,” katanya dalam kenyataan kelmarin.

Beliau memaklumkan, MPS memasang pita keselamatan di lokasi untuk tindakan siasatan dan pencegahan lanjut.

LUAS segera berhubung dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor), Suruhan-

jaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi tindakan bersepadu.

“JAS telah mengambil sampel di tong berkenaan dengan menggunakan kelengkapan keselamatan pengendalian bahan terjadual susulan kandungan yang disyaki bahan kimia.

“LUAS juga melakukan persampelan untuk dianalisis dan membuka satu kertas siasatan di bawah Seksyen 79(4) Enakmen LUAS 1999. Selain itu, kerja-kerja pembersihan di lokasi dilaksanakan oleh MPS,” jelasnya.

KOSMO

Tarikh: 27 SEP 2024



16/09 2024

## Ringgit mampu capai paras 4.03

**PETALING JAYA** – MIDF Research menyepak semula unjuran kadar tukaran ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) kepada 4.03 pada hujung tahun ini (hujung 2023: 4.59), dengan purata tahunan sebanyak 4.56.

Katanya, pembalikan prestasi ringgit telah memadamkan kelemahannya pada awal tahun ini sehingga muncul sebagai mata wang dengan prestasi terbaik di rantau ini.

"Setakat ini, ringgit telah meningkat lebih daripada sembilan peratus sejak hujung 2023, dengan mata wang tempatan baru-baru didagangkan lebih rendah daripada RM4.20 untuk AS\$1.

"Kami menjangkakan lebih banyak dana akan mengalir ke pasaran baharu muncul termasuk Malaysia, ketika Rizab Persekutuan AS (Fed) meneruskan pelonggaran dasarnya.

"Dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan, perbezaan faedah antara Malaysia dan AS mengecil, dan ringgit memperoleh keuntungan daripada kelemahan dolar AS," katanya dalam nota kajian yang dikeluarkan semalam.

Firma penyelidikan pasaran



**KEDUDUKAN ringgit dijangka terus bertambah kukuh, seiring dengan jangkaan pemotongan lanjut kadar faedah di AS.** – GAMBAR HIASAN

itu menambah, pada masa sama, sebarang peristiwa yang membawa kepada kebimbangan tinggi terhadap prospek pertumbuhan akan menjadi risiko penurunan kepada tinjauan ringgit, kerana dolar AS akan mendapat keuntungan daripada peralihan kepada mod mengetepikan risiko.

Jelasnya, ini termasuk peningkatan baharu dalam ketega-

ngan geopolitik dan perdagangan, serta prospek yang lebih lemah dalam ekonomi utama (terutamanya China dan AS).

"Selain itu, Fed mungkin mengambil lebih masa untuk pemotongan kadar selanjutnya sekiranya prospek harga kekal tinggi, seterusnya memperlahankan penurunan dolar AS," ujarnya.

KOSMO

27 SEP 2024

Tarikh: .....



## DASAR PENGURUSAN RISIKO BENCANA

# Sedia hadapi peralihan monsun

HM  
27/9

Bernama

Kuala Lumpur

**"K**erajaan akan memperkenalkan dasar pengurusan risiko bencana negara sebagai langkah persediaan menghadapi fasa peralihan monsun," kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, dasar yang sedang digubal Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) itu adalah sebahagian usaha kerajaan dalam memastikan negara lebih bersedia dan berdaya tahan menghadapi bencana terutama dalam konteks perubahan iklim serta cuaca ekstrem yang semakin kerap berlaku.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara berkata, dasar itu bertujuan mengurangkan ri-



**"Saya percaya, kejayaan dasar ini memerlukan usaha berterusan daripada semua pihak dan dengan komitmen bersama, kita mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih selamat dan bersedia dalam menghadapi cabaran bencana pada masa hadapan, insya-Allah"**

*Timbalan Perdana Menteri,  
Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi*

siko bencana dengan mengarus perdanakan konsep Pengurangan Risiko Bencana (DRR) dalam setiap sektor pembangunan negara.

"DRR bukan sahaja memabatkan penyediaan infrastruktur, tetapi juga peningkatan kesedaran, pencegahan dan kerjasama antara kerajaan, NGO (badan bukan kerajaan), sektor swasta serta masyarakat.

"Saya percaya, kejayaan dasar ini memerlukan usa-

ha berterusan daripada semua pihak dan dengan komitmen bersama, kita mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih selamat dan bersedia dalam menghadapi cabaran bencana pada masa hadapan, insya-Allah," katanya dalam hantaran Facebook semalam.

Malaysia kini memasuki permulaan fasa peralihan monsun dan dijangka berterusan hingga awal November ini, selepas Mon-

sun Barat Daya yang bermula 17 Mei lalu, berakhir.

Ahmad Zahid berkata, pelancaran Bulan Kesiapsiagaan Nasional juga akan diadakan pada 3 Oktober ini di Kota Tinggi, Johor.

"Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan persediaan rakyat dalam menghadapi sebarang kemungkinan, termasuk bencana banjir dan ribut petir yang semakin kerap berlaku," katanya.

HARIAN METRO  
Tarikh: ..... 27 SEP. 2024



# Pendigitalan undang isu penyelewengan secara lebih kompleks

**Bangi:** Pendigitalan dalam perkhidmatan awam boleh mengundang isu rasuah dengan cara baharu yang lebih kompleks dan rumit seperti bitcoin atau mata wang kripto.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, inisiatif seperti perkhidmatan dalam talian, *Single Sign-On*, *Open Data* dan lain-lain yang dilaksanakan bagi mengurangkan karenah birokrasi serta campur tangan manusia tidak terlepas risiko penyelewengan.

"Kepesatan era teknologi digital ini mencipta ruang dan peluang bagi mereka tidak bertanggungjawab dalam memanipulasi kelemahan prosedur kerja dan peraturan.

"Ini cabaran sebagai penjawat awam untuk meneliti sebarang penam-

bahbaikan undang-undang, peraturan dan dasar sedia supaya sistem perkhidmatan awam tidak mampu diganggu serta digugat golongan berkenaan," katanya.

Turut hadir Ketua Pesaruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki.

Beliau berkata demikian ketika berucap bagi merasmikan Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Antirasuah Peringkat Kebangsaan Kali ke-3 2024 di sini, semalam.

Mengulas mengenai Indeks Persepsi Rasuah (CPI), beliau berkata, kerajaan meletakkan sasaran mencapai kedudukan ke-25 teratas dalam tempoh 10 tahun.

Selaras matlamat itu, katanya, kerajaan bersetuju dengan penubuhan Pasukan Petugas Khas CPI yang dipengerusikan oleh beliau sendiri.

"Pasukan ini antara lain berperanan menganalisis dapatan kajian CPI serta mencadangkan syor serta strategi reformasi institusi dan perundangan termasuk pemantapan mekanisme semak dan imbang," katanya.



SHAMSUL  
Azri

HARIAN METRO  
27 SEP 2024



## KKM, PBT perlu kerjasama kuat kuasa jualan e-rokok, vape

Akhirnya, tempoh 183 hari yang pernah diumpamakan 'wild wild west' kepada penjualan produk rokok elektronik atau e-rokok dan vape mempunyai cecair dan gel nikotin akan tamat sejak ia dikeluarkan daripada Akta Racun 1952 pada 31 Mac tahun lalu. Ini kerana Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) bakal dikuatkuasakan, Selasa depan.

Bermakna syarat lebih ketat bakal dikenakan kepada kepada peniaga dan pembeli rokok serta rokok elektronik, sekali gus menjadi usaha kerajaan membendung kemudaran produk tembakau dan rokok elektronik terhadap kesihatan rakyat. Memang, penguatkuasaan Akta 852 menjadi takah penting dalam perjuangan mengekang tabiat merokok dan rokok elektronik terutama dalam kalangan generasi muda serta remaja tetapi ia sesekali tidak boleh dianggap penamat.

Ini kerana kajian Global Adult Tobacco Survey (GATS) 2023 mendapati peningkatan ketara dalam penggunaan rokok elektronik di negara ini, terutama individu berusia 15 hingga 24 tahun. Ia menjadikan usaha mengekang penggunaan bahan berkenaan dalam kalangan generasi yang kritikal kepada masa depan negara itu membimbangkan, sekali gus memerlukan penguatkuasaan lebih menyeluruh.

Cabaran sebenar terletak pada memastikan penguatkuasaan Akta 852 tidak sekadar hangat-hangat tahi ayam. Pengalaman pelaksanaan peraturan kawalan hasil tembakau sebelum ini, menunjukkan penguatkuasaan tidak berterusan akan melemahkan keberkesanannya. Ketika Menteri Kesihatan, Dr Dzulkefly Ahmad menerima tanggungjawab sama kali pertama pada 2018, operasi penguatkuasaan agresif dengan menasaskan individu ingkar larangan merokok di tempat awam termasuk restoran dan kedai makan tetapi fokus Kementerian Kesihatan (KKM), negara dan dunia kemudian teralih kepada agenda mengekang pandemik COVID-19.

Apapun, KKM kali ini tidak boleh bersendirian menguatkuasakan Akta 852, sebaliknya memerlukan kerjasama semua, termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) yang memiliki kuasa pelesenan terutama premis perniagaan. Tanggungjawab PBT sama pentingnya dalam mengawal penjualan rokok dan vape di tempat awam, terutama di pasar malam, uptown dan downtown yang kini menjadi sebahagian 'produk wajib ada' meskipun lokasinya sesak serta pengunjungnya termasuk remaja dan kanak-kanak.

Pada masa sama, kita mengingatkan pengusaha dan peniaga untuk mematuhi Akta 852. Mereka tidak boleh hanya mematuhi undang-undang ketika ada penguatkuasa tetapi 'apabila kucing tiada, tikus menjadi raja'. Kita tidak mahu demi mengejar keuntungan, mereka bersikap sambil lewa dengan tidak memeriksa pembeli mencurigakan terutama dari aspek usia. Kita mengingatkan 'kejahilan tidak boleh dijadikan alasan untuk melanggar undang-undang', malah sesiapa yang gagal mengikut peraturan perlu dikenakan hukuman maksimum di bawah akta berkenaan sebagai pengajaran kepada semua pihak.

Hakikatnya, isu rokok apapun bentuknya bukan hanya soal kepentingan ekonomi, sebaliknya membabitkan kesihatan awam terutama generasi muda dan perlindungan alam sekitar untuk kemaslahatan generasi masa depan. Tidak ada gunanya kita memperoleh keuntungan jangka pendek tetapi terpaksa membayarnya dengan kos tinggi ibarat dilihat gelas berlabu, dihitung pokok termakan, iaitu lahirnya saja untung, tetapi sebenarnya rugi.

BERITA HARIAN

Tarikh.....2..7..SEP...2024.....



# 8 tong cecair sisa kimia dalam parit

**Kuala Lumpur:** Lapan tong berisi cecair dipercayai sisa kimia dipercayai dibuang ke dalam parit di Kampung Desa Aman, Sungai Buloh, dekat sini.

Semua tong berkenaan ditemui Selasa lalu sebelum dimaklumkan kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) kira-kira jam 9 malam.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Selangor, Ahmad Mukhlis Mokhtar, berkata sepasukan pegawai dan anggota daripada Balai Bomba Penyelamat (BBP) Sungai Buloh dikerahkan ke tempat berkenaan sejerus dimaklumkan penemuan itu.

Hasil pemeriksaan, lapan tong sisa buangan jenis cecair ditemukan di dalam parit dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil sampel bagi tujuan penilaian.

“Tindakan seterusnya akan diambil selepas mendapat keputusan pemeriksaan dijalankan,” katanya melalui kenyataan semalam.

Dalam pada itu, JBPM Selangor masih menjalankan pemantauan di tempat berkenaan untuk mengelak kejadian tidak diingini, selain dibantu unit HAZMAT untuk tugas mengambil sampel.

JBPM memaklumkan pihaknya juga memantau kerja mengalih tong berkenaan ke kawasan selamat.

Selain JBPM dan JAS, turut terbabit dalam operasi itu ialah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Pejabat Tanah, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).



Anggota HAZMAT menjalankan operasi pemindahan lapan tong disyaki mengandungi bahan kimia yang dibuang ke dalam parit di Kampung Desa Aman, Sungai Buloh. (Foto ihsan JBPM)

BERITA HARIAN  
Tarikh... 27 SEP 2024...



# Cuci tandas, longkang jika buang sampah lagi

## Pesalah berdepan hukuman khidmat sosial susulan pindaan Akta 171

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Pesalah yang mengulangi kesalahan membuang sampah merata-rata bakal berdepan hukuman khidmat sosial seperti mencuci longkang dan tandas ber-

mula tahun depan.

Perkara itu dimaklumkan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Nga Kor Ming, susulan pindaan yang akan dilakukan terhadap Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Pindaan itu mencakupi sekysyen berkaitan hukuman bagi pesalah yang membuang sampah merata-rata yang mana beliau berkata ia perlu dipinda bagi memberi kesedaran kepada orang ramai.

Mengulas lanjut, katanya, pindaan ini akan membabitkan undang-undang khidmat sosial bagi memastikan pesalah yang per-



Kor Ming pada sidang media Majlis Prapelanaran Hari Cuci Malaysia: Program Pembersihan Mega Sempena World Clean Up Day 2024 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

nah melakukan kesalahan tidak mengulangi perbuatan sama pada masa depan.

"Mereka yang dikenakan tindakan undang-undang ini pernah disabit kesalahan, namun tidak takut walaupun dikenakan kompaun.

"Kita akan jemput individu yang melakukan kesalahan berulang ini dengan memberi mereka t-shirt istimewa untuk sama-sama turun padang cuci longkang dan jalan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Prapelan-

aran Hari Cuci Malaysia: Program Pembersihan Mega Sempena World Clean Up Day 2024 di Fasiliti Inovasi Kitar Semula, di sini, semalam.

### Terbukti berkesan

Program anjuran KPKT itu akan berlangsung Sabtu ini serentak di seluruh negara menyasarkan 50,000 peserta meliputi 156 pihak berkuasa tempatan.

Mengulas lanjut, Kor Ming berkata beliau beranggapan pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) adalah satu kaedah

terbukti berkesan dan sudah diamalkan di beberapa negara maju seperti Norway, Sweden dan Singapura.

Beliau berkata, pindaan akan dibentangkan di Parlimen selepas mendapat kelulusan Jemaah Menteri tahun hadapan.

"Sekarang ini zaman sosial media, jika kita tidak menjaga kebersihan pelancong asing yang datang akan menyebarkan nama negara terjejas. Oleh itu penting kita memulakan usaha ini tahun depan," katanya.

IKS taman  
MERDEKA  
• MELAKA •



BERITA HARIAN  
Tarikh..... 27 SEP 2024 .....



# Hanya syarikat ada sijil antirasuah boleh bida kontrak lebih RM100j

Peraturan dikenakan kepada syarikat Kelas G7 yang berdaftar dengan CIDB mulai 2026

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Bangi:** Hanya syarikat pembinaan dengan pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001 (ABMS) akan dibenar membida kontrak kerajaan bernilai lebih RM100 juta.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata keperluan itu akan dikuatkuasakan pada 2026 ke atas syarikat pembinaan Kelas G7 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

"Baru-baru ini, Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim secara prinsipnya setuju kontraktor kelas G7 yang berdaftar dengan CIDB perlu ada persijilan ISO37001 seba-

gai sebahagian usaha membasmi rasuah dalam tempoh dua tahun akan datang.

"Ini bagi projek RM100 juta ke atas. Sekarang masih dibenarkan tapi dalam tempoh dua tahun akan datang, syarikat pembinaan dan kontraktor perlu ada sijil ini.

"Cara ini akan meningkatkan kefahaman syarikat mengenai pambanerasan rasuah ketika mahu memasuki tender dalam Kementerian Kewangan (MOF)," katanya.

Bellau berkata demikian ketika ditemui media selepas majlis perasmian Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Peringkat Kebangsaan 2024, di sini semalam.

Majlis disempurnakan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

## Sektor binaan sarang rasuah

Azam berkata, sektor pembinaan negara antara yang akan diberi tumpuan dalam siasatan SPRM selepas dikenal pasti turut menjadi sarang ketirisan dan rasuah.

"Sektor pembinaan memang dalam pemerhatian kami, terutama yang membabitkan kontrak kerajaan, baik di peringkat negeri mahupun Persekutuan.

"Ini menjadi dalam pemerha-



Shamsul Azri diiringi Azam bersalaman dengan peserta pada Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Peringkat Kebangsaan 2024, di Bangi, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

tian dan memang banyak ketirisan," katanya.

Terdahulu berucap pada majlis itu, Azam berkata, ketiadaan langkah berkesan menangani rasuah akan menyebabkan ketirisan mencecah AS\$5 trilion (RM20.65 trilion) dalam sektor pembinaan menjelang 2030.

Katanya, unjuran itu dilaporkan Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), badan profesional dunia yang menetap-

kan piawaian dan kualiti bagi hartanah, infrastruktur dan pembinaan.

"Justeru, sekiranya risiko rasuah dalam sektor pembinaan tidak ditangani secara serius, sudah pasti sektor lain yang berkait seperti alam sekitar dan ekonomi akan lebih parah," katanya.

Selain pembinaan, Azam berkata, sektor lain seperti pertanian, pemborongan dan peruncitan, kewangan serta perbankan

akan diteliti sepanjang persidangan dua hari itu.

"Aspek alam sekitar berkaitan sumber air dan perspektif Malaysia berhubung Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dan kaji selidik isu rasuah, integriti dan tatakelola yang diketengahkan kali ini bakal meneroka perspektif lebih luas mengenai realiti kelemahan tatakelola dan risiko rasuah yang wujud dalam sektor-sektor ini," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh: 27 SEP 2024



# Dasar pengurusan risiko bencana akan diperkenal

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan memperkenalkan dasar pengurusan risiko bencana negara sebagai langkah persediaan menghadapi fasa peralihan monsun.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata dasar yang sedang digubal Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) itu sebahagian usaha kerajaan dalam memastikan negara lebih bersedia dan berdaya tahan menghadapi bencana, terutamanya dalam konteks perubahan iklim serta cuaca ekstrem yang semakin kerap berlaku.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara berkata, dasar itu juga bertujuan mengurangkan risiko bencana dengan mengarus-perdanakan konsep Pengurangan Risiko Bencana dalam setiap sektor pembangunan negara.

"Pengurangan risiko bencana bukan saja melibatkan penyediaan infrastruktur tetapi juga peningkatan kesedaran, pencegahan dan kerjasama di antara kerajaan, NGO (badan bukan kerajaan), sektor swasta serta masyarakat.

"Saya percaya, kejayaan dasar ini memerlukan usaha berterusan daripada semua pihak dan dengan komitmen bersama. Kita mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih selamat dan bersedia dalam menghadapi cabaran bencana pada masa hadapan, insya-Allah," katanya di media sosial semalam.

Malaysia kini memasuki permulaan fasa peralihan monsun dan dijangka berterusan hingga awal November ini, selepas Monsun Barat Daya yang bermula 17 Mei lalu, berakhir. BERNAMA

BERITA HARIAN  
Tarikh.....2.7.SEP.2024..



# Pembangunan baharu, perparitan didakwa punca banjir kilat

**Shah Alam:** Beberapa projek perumahan baharu yang ditamban dan perparitan tersumbat antara faktor banjir kilat di Jalan Kebun kelmarin.

Tinjauan di Taman Perumahan Mutiz Lorong Sarkawi di Jalan Kebun dekat sini mendapati, setiap keluarga melakukan kerja pembersihan dan membuang barang rosak akibat kejadian itu.

Keadaan petang semalam mendung dan hujan reyai-reyai ketika mereka membersihkan rumah kotor serta berbau.

Mangsa banjir, Mohd Suhirewan Mohammed Suhaimi, 44, berkata ketika kejadian kelmarin, beliau berada di tempat kerja di Shah Alam dan dihubungi isteri yang memaklumkan rumah dinaiki air sehingga paras betis

pada 3.30 petang.

Katanya, isteri dan anak sulung hanya sempat mengangkat barang penting, banyak barang terjejas dan rosak.

"Saya hanya tiba di rumah jam 8.30 malam kerana mengharungi beberapa jalan dinaiki air, selain kesesakan kerana banyak laluan ditutup.

"Kira-kira jam 4 pagi tadi, baru air surut. Hanya selepas Subuh kenderaan boleh masuk ke kawasan perumahan kami.

"Saya berharap pihak berwajib dapat mengambil inisiatif untuk membuat sesuatu supaya perkara ini tidak berulang," katanya di sini.

Mohd Suhirewan berkata, kawasan perumahan berkenaan kerap dilanda banjir kilat.

"Hujan tidak sampai satu jam, air dalam longkang terus naik, naik dari longkang hadapan masuk ke dalam rumah dengan begitu cepat. Apa yang kami lihat, ini masalah yang berpunca dengan saluran perparitan, ditambah dengan banyak pembinaan perumahan baharu di berhampiran taman kami," katanya yang tinggal di situ lebih 18 tahun.

Jirannya, Judith Frederick, 47, yang mendakwa projek pembangunan baharu mengakibatkan banjir kilat.

"Kami berharap, kerajaan negeri perlu melihat pembangunan projek perumahan baharu yang memberi kesan kepada taman ini kerana yang baharu siap dibina lebih tinggi, airnya mengalir ke perumahan kami," katanya.



Penduduk melakukan kerja pembersihan selepas kediaman dilanda banjir di Jalan Kebun, Shah Alam. (Foto Faiz Anuar/ BH)

BERITA HARIAN  
27 SEP 2024  
Tarikh.....





PDT Klang merobohkan lapan unit rumah yang dibina di atas tanah kerajaan di persiaran Sungai Keramat, Klang. (Foto ihsan PDT Klang)

## 8 rumah dibina atas tanah kerajaan diroboh

**Shah Alam:** Lapan unit rumah di Persiaran Sungai Keramat, Klang yang dibina di atas tanah milik kerajaan dirobohkan dalam satu operasi bersepadu, semalam.

Pegawai Daerah Klang, Amri Ismail, berkata tindakan ke atas premis kediaman yang masih dalam proses pembinaan itu diambil selaras dengan peruntukan undang-undang demi memelihara hartanah milik kerajaan daripada aktiviti pencerobohan.

Beliau berkata, Pejabat Daerah dan Tanah Klang (PDTK) mengeluarkan Notis Amaran Pencerobohan Tanah Kerajaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara kepada pengusaha tapak terbabit pada 16 Julai lalu.

"PDTK juga menaikkan papan tanda amaran dan menukup tapak, namun pengusaha masih berdegil meneruskan pembinaan rumah itu walaupun sudah berulang kali dibe-

rikan amaran.

"Pengusaha juga dipercayai telah menawarkan penjualan rumah berkenaan kepada orang awam," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Dalam kenyataan sama, Amir turut menasihatkan orang ramai agar tidak terpedaya dengan tawaran jualan rumah tanpa menyelidiki latar belakang projek.

"Pentadbir Tanah Klang juga menegaskan bahawa pencerobohan tanah kerajaan adalah satu kesalahan serius di bawah Kanun Tanah Negara dan boleh didenda sehingga RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Operasi bersepadu itu melibatkan PDTK, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor, polis, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd. BERNAMA

BERITA HARIAN  
27 SEP 2024

Tarikh.....



# Kadar miskin bandar meningkat pasca COVID-19

Kadar kemiskinan di bandar meningkat kepada 4.5 peratus pada 2022, berbanding 3.8 peratus pada 2019, demikian menurut laporan terkini Institut Penyelidikan Khazanah (KRI).

Laporan *The State of Households 2024: Households and the Pandemic 2019-2022 (SoH 2024)* itu mendapati pasca pandemik COVID-19 menyaksikan peningkatan bilangan isi rumah yang berada dalam kemiskinan mutlak berbanding sebelum pandemik.

"Walaupun tidak semua daerah menghadapi peningkatan kemiskinan mutlak, isi rumah di kawasan bandar adalah paling terkesan dengan kadar kemiskinan meningkat daripada 3.8 peratus 2019 kepada 4.5 peratus pada 2022.

"Selain itu, daerah yang men-

catkan kadar kemiskinan mutlak lebih tinggi juga didapati mempunyai akses isi rumah lebih rendah kepada kemudahan asas seperti air paip bersih dan perkhidmatan kutipan sampah, menunjukkan wujud saling kait yang kuat antara kemiskinan berbentuk monetori dan bukan monetori," dedah laporan itu.

Kuala Lumpur merupakan kawasan dengan peningkatan isi rumah miskin tertinggi iaitu 6,774 isi rumah, diikuti Kuala Muda (5,229) dan Kota Kinabalu (5,117).

Sementara itu, laporan juga mendapati pertumbuhan pendapatan isi rumah di Malaysia lebih perlahan dalam tempoh pasca pandemik berbanding dekad sebelumnya.

Laporan itu mendedahkan walaupun terdapat peningkatan pen-

dapatan isi rumah pada 2022, kadar pertumbuhannya jauh lebih perlahan berbanding trend sebelum pandemik, selain masih berada di bawah jangkaan potensi.

"Pendapatan median adalah 12 peratus di bawah unjuran sebelum COVID-19, manakala purata pendapatan adalah 13 peratus lebih rendah, mencerminkan jurang ketara dalam fasa pemulihan pasca pandemik.

"Selain itu, jurang antara pendapatan purata dan median kian meluas menunjukkan peningkatan ketidaksamaan pendapatan, di mana isi rumah berpendapatan tinggi mendapat lebih banyak manfaat berbanding berpendapatan rendah," katanya.

Menurut laporan KRI, pendapatan isi rumah pada 2022, apabila disesuaikan dengan ketidak-

samaan, berkembang pada kadar lebih perlahan dengan 18 daerah kebanyakannya dari Semenanjung mengalami penurunan pendapatan serta peningkatan ketidaksamaan.

"Pertumbuhan pendapatan isi rumah yang disesuaikan dengan ketidaksamaan hanya meningkat 7.9 peratus pada 2022 berbanding 12 peratus pada 2019 disebabkan pertumbuhan pendapatan isi rumah lebih rendah.

"Beberapa daerah menyaksikan penurunan dalam pendapatan isi rumah yang diselaraskan dengan ketidaksamaan pada 2022, manakala pemacu pertumbuhan didapati tidak bertabur pada magnitud tidak sekata, apabila diselaraskan dengan pertumbuhan pendapatan isi rumah dan pekali Gini.

"Bagaimanapun, penggunaan pekali Gini secara tunggal dalam menilai ketidaksamaan tidak memberikan gambaran yang lengkap kerana terdapat negeri dan strata menunjukkan penurunan Gini, tetapi peningkatan ketidaksamaan di bahagian akhir pengagihan pendapatan," katanya.

Sementara itu, pendapatan boleh guna isi rumah telah menurun di semua peringkat desil pendapatan dengan kesan lebih ketara dilihat dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan pertengahan.

Isi rumah desil ke-10 terbawah mengalami penurunan pendapatan boleh guna sebanyak 108.2 peratus daripada RM200 pada 2019 kepada hanya RM16 pada 2022 (secara nominal).

BERITA HARIAN

Tarikh... 2.7 SEP 2024 .....



# 90 peratus ahli KWSP bawah 30 tahun dijangka tak cukup wang bersara



**Pengeluaran ketika COVID-19, gaji permulaan rendah jejas simpanan selesa selepas pencen**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

Pengeluaran skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sepanjang tempoh COVID-19, secara kolektifnya menyebabkan lebih 90 peratus ahli kumpulan wang persaraan pekerja swasta itu yang berusia di bawah umur 30 tahun tidak mempunyai simpanan asas

mencukupi untuk persaraan, demikian menurut Institut Penyelidikan Khazanah (KRI).

Ahli KWSP membentuk 60 peratus daripada pasaran tenaga kerja, tidak termasuk mereka yang bekerja di sektor awam dan tidak formal.

Mengikut anggaran KWSP, seseorang perlu mempunyai minimum RM35,000 menjelang umur 30 tahun untuk mencapai simpanan asas persaraan RM240,000 menjelang umur 55 tahun.

KRI menerusi laporan *The State of Households 2024: Households and the Pandemic 2019-2022* (SoH 2024) berkata, data caruman ahli KWSP dari 2019 hingga 2022 menunjukkan hanya 10 peratus teratas dalam kategori umur 30 tahun ke bawah mempunyai lebih RM35,000.

Purata simpanan 10 peratus teratas pada 2022 ialah RM49,061.

"Ini menyerlahkan isu struktur gaji permulaan rendah dalam kalangan mereka yang mula memasuki pasaran pekerjaan kerana tidak dapat mencapai caruman asas KWSP untuk persaraan," dekad laporan itu.

Ia mendapati mereka yang berumur di bawah 30 tahun kurang terkesan oleh pengeluaran KWSP semasa pandemik COVID-19 kerana mereka biasanya mempunyai komitmen kewangan lebih rendah dari segi pinjaman perumahan/kenderaan, tanggungan dan lain-lain.

"Walaupun boleh dikatakan gaji mereka mungkin bertambah baik melalui kemajuan kerjaya, terdapat kesan pengkompaunan yang dikaitkan dengan gaji permulaan rendah kerana ia biasanya mengakibatkan pertumbuhan gaji lebih perlahan dan juga peningkatan ketidakpadanan

pekerjaan," kata KRI.

Institut penyelidikan itu dalam laporannya bagaimanapun mengakui, dengan peningkatan bahagian caruman untuk Akaun 1 KWSP daripada 70 peratus kepada 75 peratus, KWSP mengunjurkan 65 peratus ahlinya mungkin mempunyai kemampuan untuk mencapai simpanan asas menjelang 2035.

Laporan itu juga menekankan keperluan untuk meneliti semula sasaran simpanan RM250,000, yang tidak disemak sejak 2019.

KRI berkata, sasaran itu mengandaikan individu itu akan mengandakan RMI,000 sebulan selama 20 tahun.

#### Jangka hayat meningkat

"Memandangkan purata jangka hayat rakyat Malaysia meningkat, sasaran RM250,000 mungkin tidak mencukupi dan memer-

lukan penelitian semula kerana angka ini tidak disemak sejak 2019," kata KRI.

Ia menekankan individu yang menghampiri umur persaraan dan seterusnya mungkin menghadapi masalah lebih besar seperti risiko kesihatan dan hilang upaya di samping kehabisan simpanan persaraan.

"Adalah penting juga untuk ambil perhatian mereka yang bekerja di sektor tidak formal mungkin menghadapi prospek buruk mengenai persaraan kerana pada masa ini tidak diwajibkan untuk mencarum kepada KWSP.

"Individu ini yang telah menghadapi isu mengenai pendapatan purata lebih rendah, mungkin juga mempunyai sedikit atau tiada jaringan keselamatan untuk persaraan berbanding mereka yang bekerja secara formal," menurut KRI.



# Prosiding tatatertib penjawat awam didakwa goda isteri orang ditarik balik

UM  
27/9

**PUTRAJAYA:** Sebarang pelaksanaan prosiding tatatertib yang sedang diambil terhadap pegawai awam yang didakwa atau disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan (Akta 574) hendaklah dihentikan dan ditarik balik.

Isa susulan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 15 Disember tahun lalu yang memutuskan seksyen itu di bawah akta berkenaan tidak lagi boleh diguna pakai dalam prosiding jenayah untuk mendakwa lelaki yang menggoda isteri orang.

Seksyen tersebut diputuskan sebagai tidak berperlembagaan atas alasan peruntukan itu mendiskriminasikan secara tidak

adil terhadap keseksamaan gender yang bertentangan dengan Fasal (2) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Arahan pemberhentian dan penarikan balik prosiding tatatertib itu dinyatakan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang ditandatangani ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz bertarikh 17 September 2024.

"Apa-apa pelaksanaan prosiding tatatertib yang sedang diambil terhadap pegawai yang telah didakwa atau disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan (Akta 574) hendaklah dihentikan dan

ditarik balik.

"Ketetapan ini juga turut dipanjangkan kepada semua perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan tertakluk penerimaan pihak berkuasa masing-masing," katanya menerusi surat berkenaan.

Menerusi soalan lazim yang disertakan bersekali surat edaran berkenaan bagaimanapun menjelaskan, pegawai awam yang sedang dalam tindakan tatatertib atas kesalahan tatakelakuan menjalinkan hubungan sulit dengan isteri orang yang mana kesalahan tersebut dilaporkan terus ke Unit Integriti dan bukan berpunca daripada sabitan

di bawah seksyen tersebut, kes itu boleh diteruskan.

Ini kerana keputusan Mahkamah Persekutuan itu melibatkan suatu kesalahan jenayah yang diperuntukkan di bawah akta itu dan ia perlu dibezakan dengan kesalahan-kesalahan tatatertib yang diperuntukkan di bawah Bahagian II, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

Di bawah P.U. (A) 395/1993, Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman tatatertib berdasarkan tatakelakuan pegawai awam dalam perkhidmatan awam.

UTUSAN MALAYSIA  
27 SEP 2024

Tarikh: .....



# Semua jabatan wajib laksana pusingan kerja mulai Oktober

UM  
27/9

**PETALING JAYA:** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengarahkan semua ketua jabatan melaksanakan pusingan kerja di organisasi masing-masing mulai Oktober ini sebagai inisiatif Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.

JPA dalam satu kenyataan berkata, inisiatif itu adalah usaha bagi memastikan setiap kementerian dan jabatan berupaya meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara optimum dan berkesan selari dengan Surat Edaran Pelaksanaan Urusan Pusingan Kerja yang dikeluarkan JPA pada 14 Mei lalu.

Jelasnya, langkah itu elemen penting dalam pengayaan dan peluasan tugas yang menyumbang kepada kemajuan kerjaya pegawai awam dari segi peningkatan kompetensi, pengalaman dan motivasi.

"Selain itu, pusingan kerja ini dapat membendung dan menangani masalah prestasi kerja, ketirisan dana awam, penyalahgunaan kuasa dan

amalan rasuah.

"Justeru, semua Ketua Jabatan hendaklah memandang serius terhadap pelaksanaan pusingan kerja di kementerian atau jabatan masing-masing," katanya.

Pada 15 Mei lalu, dalam satu pekeliling ditandatangani oleh Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, mewartakan bahawa ketua jabatan boleh menggunakan dua dasar sebagai panduan dalam urusan pertukaran supaya pusingan kerja teratur dan seragam.

Ia adalah menukarkan pegawai yang berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun tetapi tidak melebihi lima tahun di sesuatu jawatan diklasifikasikan sebagai sensitif.

Ketua jabatan juga boleh menukar pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun tetapi tidak melebihi lapan tahun di sesuatu jabatan yang diklasifikasikan sebagai bukan sensitif.

Jelas kenyataan itu, ketua

jabatan perlu mengenal pasti dan melaksanakan pusingan kerja terhadap pegawai yang wajar ditukarkan bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa dinamik dan menepati kehendak semasa.

"Kegagalan dalam melaksanakan pusingan kerja boleh disifatkan sebagai cuai dalam melaksanakan tugas dan tidak bertanggungjawab.

"Ketua jabatan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993]," katanya.

JPA berkata, pihaknya percaya tindakan ini akan menjadi peringatan kepada semua pegawai awam tentang kepentingan melaksanakan tugas dan mematuhi arahan ditetapkan.

"JPA akan terus memantau dan menilai pelaksanaan pusingan kerja ini untuk memastikan matlamat yang diharapkan tercapai," katanya.

UTUSAN MALAYSIA  
Tarikh: ..... 27 SEP 2024 .....





ISTANA Lama Seri Menanti diwartakan sebagai bangunan warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

# 1,019 diwartakan warisan negara

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**  
badrul.isa@mediamula.com.my

**SEREMBAN:** Sebanyak 1,019 butiran warisan diwartakan di seluruh negara sehingga tahun ini di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Mohamad Muda Bahadin berkata, 715 daripanya

diwartakan sebagai butiran warisan kebangsaan melibatkan lima kategori iaitu bangunan atau tapak, objek ketara, tidak ketara dan orang hidup.

"Banyak manfaatnya apabila sesuatu itu diangkat dan diiktiraf sebagai warisan. Contohnya, pemilik bangunan warisan boleh memohon sumber kewangan malah sekiranya ia signifikan

ke peringkat antarabangsa, kita boleh calonkan sebagai warisan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, setakat ini sebanyak 27 butiran warisan di seluruh Negeri Sembilan terdiri daripa-

da 14 bangunan dan tapak serta 13 butiran kebudayaan kategori objek ketara dan objek warisan tidak ketara telah diwartakan mengikut akta berkenaan.

Jelas beliau, antaranya Istana Lama Seri Menanti (bangunan), Kota Lukut (tapak), teromba (bahasa dan persuratan), tarian piring (seni persembahan) dan tikar rompok (objek ketara).

UTUSAN MALAYSIA  
Tarikh: 27 SEP 2024



# Cukai rokok, arak, gula dijangka naik



Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI  
zakkina.tarmizi@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Cukai rokok dan minuman keras mungkin dinaikkan dalam Belanjawan 2025 yang bakal dibentangkan bulan depan, kata RHB Investment Bank Bhd.

Bank pelaburan berkata, ini memandangkan kali terakhir kenaikan duti eksais dilaksanakan adalah pada tahun 2014 dan 2016.

"Kami tidak menolak kemungkinan tinggi duti eksais ditingkatkan bagi produk rokok dan minuman keras," katanya dalam nota penyelidikan semalam.

Menurut laman web Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), duti eksais merupakan duti yang ditetapkan oleh menteri di bawah Seksyen 6, Akta Eksais 1976 yang dikenakan ke atas barangan berduit yang dikilang oleh syarikat yang dilesenkan di bawah Seksyen 20, Akta Eksais 1976.

Duti ini juga dikenakan ke atas barangan yang sama sewaktu diimport. Barangan tertakluk kepada duti eksais diwartakan dalam Perintah Duti Eksais 2022 antaranya minuman bergula, kenderaan bermotor, minuman keras dan rokok termasuk tembakau dan cerut.

Menurut RHB Investment Bank, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad baru-baru ini mendedahkan banyak perancangan diusahakan demi



KALI terakhir duti eksais ke atas rokok dan arak dilaksanakan adalah pada tahun 2014 dan 2016.

mengatasi masalah pengambilan gula.

"Dengan ini, cukai gula mungkin akan dinaikkan untuk barangan sedia ada dan skop penguatkuasaannya juga akan diperluaskan kepada lebih banyak produk lain.

"Mempertimbangkan perlu-

asan skop cukai ini, perkara ini seharusnya akan menjejaskan Power Root, manakala Farm Fresh Berhad (FFB) dan Nestle mungkin terkesan sekiranya skop ini dikembangkan kepada minuman berasaskan susu atau ais krim," katanya.

Firma berkata, Belanjawan

2025 sepatutnya lebih mesra pengguna dengan mengetengahkan langkah-langkah baik seperti bantuan kewangan tunai, ganjaran bonus kepada penjawat awam dan bantuan cukai pendapatan bagi menggalakkan penggunaan.

"Sementara itu, kami me-

**“Cukai gula mungkin akan dinaikkan untuk barangan sedia ada dan skop penguatkuasaannya juga akan diperluaskan kepada lebih banyak produk lain.”**

nanti-nantikan butiran lanjut mengenai pelaksanaan program subsidi bersasar petrol dan memerhati sama ada pihak kerajaan merancang untuk memperkenalkan cukai jualan dan barangan (GST) semula," katanya.

Dalam pada itu, bank pelaburan berkata, sentimen sektor pengguna seharusnya terus berada dalam keadaan suram sehingga impak daripada pelaksanaan pewajaran subsidi dapat dikenal pasti dengan lebih jelas.

"Terdapat juga ura-ura yang menyatakan GST mungkin diperkenalkan semula yang akan mendatangkan kesan ketara terhadap sentimen dalam kalangan pengguna dan seterusnya menyebabkan keadaan menjadi lebih tidak menentu.

"Sungguhpun begitu, kami yakin walaupun perbelanjaan pengguna tidak begitu menggalakkan, ia akan mendapat dorongan daripada pasaran pekerjaan yang stabil dan program bantuan kerajaan yang terus dilaksanakan seperti bantuan kewangan tunai dan subsidi," katanya.

UTUSAN MALAYSIA  
Tarikh: 27 SEP 2024



# Do more to save nation's rivers

27/9  
1/2  
N/A

## Confining polluters to their homes may help restore waterways

**M**ALAYSIA is located outside the Ring of Fire, an area known for earthquakes and volcanic activities. Despite the country's rapid industrialisation, it is still covered with rainforests and overflowed with lifelines of ground and river water. Unfortunately, some citizens have shown a disregard for the environment by littering as if the nation is a landfill and by dumping trash and toxins into our rivers. Not only are our rivers and shores choked in consumer and industrial refuse, they are silted and contaminated, terrible outcomes of unmitigated construction booms, sand mining and riverside factories' waste dump. Our rivers' prognosis is appalling: five per cent of river basins are severely polluted and 42 per cent are polluted, leaving 53 per cent of fresh water sources clean.

As reported by the Maritime Institute of Malaysia in its 2023 Global Environment Centre study of Malaysian rivers, polluted rivers taint the seas and oceans. As a result, we may be eating contaminated fish and drinking groundwater and bathing in rivers seeped in hazardous chemicals. Granted, conserving city rivers is complex and complicated. Case in

**Granted, conserving city rivers is complex and complicated. Case in point: Paris.**

point: Paris. France struggled to purify the polluted Seine River, the venue for certain aquatic events during the Paris Olympics, even after allocating US\$1.5 billion for an aggressive clean-up. Because the river had become a combined sewer system where waste and storm water flow through the same pipes, swimmers felt the adverse effects of E. coli or other bacteria.

Regrettably, Malaysia's river conservation strategy has been to resort to regular post-pollution clean-ups instead of instituting preventive measures. While we attempted to transform city rivers into sightseeing and boat canals, the waters would emit a rancid odour because some parts were sewage dumps. River-cleaning and enforcement efforts belie the unsustainable conservation strategy that capitulates to extreme pollution. Root causes were still ignored in spite of endless clean-up projects and extravagant "Love Our River" campaigns producing unrealistic results. The trash-throwing and toxin-dumping mentality persisted, numbed to the fact that if people continued to ravage their rivers, the trash, toxins and bacteria would rebound to spook the polluters. Perplexingly, the authorities avoided tackling the root causes, despite data pointing to conservation as a budget-friendly anti-pollution initiative. Yet, more hopeless campaigns, enforcement and stringent laws followed up. Here's a pragmatic, if not implausible, ploy to save our rivers: mandate a Covid-19-like Movement Control Order (MCO) that confines polluters to their homes. Stunningly, the pandemic did produce a dream scenario: exotic fish, reptiles, birds and otters hung out in and around "cleansed" city rivers. Wistfully, it proved to be a one-time offer valid only during the MCO. In case you didn't notice, the exotic animals haven't reappeared after the MCO was lifted.

NEW STRAITS TIMES  
Tarikh: 27 SEP 2024



8,000 SCHOOLS

# MACC probes into 1BestariNet data supply to schools

SKS  
ST

**BANGI:** The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) is investigating the data quality and services provided to schools by YTL Communications Sdn Bhd under the 1BestariNet project.

MACC Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki said investigations showed that there are issues involving data provision to schools under the project.

"There is an issue of data not

supplied (to schools). As such, we need to examine this as it constitutes an offence if there is a request but no supply. My officers are looking into this issue.

"Many parties have also raised concerns, all of which are under investigation.

"However, the (investigation) process will take some time as we need to visit many locations. This case involves 8,000 schools (na-

tionwide)," he said after the National Governance, Integrity and Anti-Corruption Commission Research Conference here yesterday.

Present was Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Azam said the commission was probing into the issue after repeated claims of data not being provided to schools since the pro-

ject was signed.

"We need to investigate whether data was provided or whether the claims are valid. This is all the responsibility of the investigating officers.

"The investigation is ongoing and no conclusions can be made (yet).

It wouldn't be fair to the parties involved if I were to say there were any elements of wrongdo-

ing at this early stage.

"But I'm outlining the scope of what we need to investigate, aside from governance and other aspects."

Earlier this month, MACC launched an investigation into a payment claim related to the Education Ministry's 1BestariNet service tender, valued at RM4 billion, which was awarded to YTL Communications in 2011.

NEW STRAITS TIMES  
Tarikh: 27 SEP 2024



ANTI-CORRUPTION MEASURE

# ISO CERTS NEEDED FOR PROJECTS OVER RM100M

This is to plug leakages in construction sector, says MACC chief

QISTINA SALLEHUDDIN  
AND IYLIA MARSYA ISKANDAR  
**BANGI**  
news@nst.com.my

**C**ONSTRUCTION companies will soon be required to obtain anti-corruption ISO certification when tendering for government projects worth RM100 million and above.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki said the matter was agreed upon in principle by MACC and the Special Cabinet Committee on National Governance chaired by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim recently.

He said the government had given a two-year grace period for this to be implemented.

He said the construction sector had been identified by global researchers as having significant leakage issues.

"(And) this is an area where much of my discussions with the Finance Ministry have centred on.

"Within the next two years, G7 companies must obtain the ISO 37001 certification, where they must be prepared to advertise anti-corruption measures under Sirim (Standard and Industrial Research Institute of Malaysia).



Malaysian Anti-Corruption Commission Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki speaking at the National Governance, Integrity and Anti-Corruption Commission Research Conference in Bangi yesterday. PIC BY HAZREEN MOHAMAD

"For now, participation is still allowed but once the two-year grace period ends, they won't be able to participate in Finance Ministry tenders (unless they have the certification)," he said after the National Governance, Integrity and Anti-Corruption Commission Research Conference here yesterday.

The International Organisation for Standardisation (ISO) 37001 or Malaysian Standard (MS) ISO 37001 is a voluntary internal control system for organisations to manage, handle, enforce, evaluate, as well as to improve anti-corruption measures effectively.

Azam said the construction sector was also under MACC's focus as it sometimes involved government contracts where

leakages could occur.

"They (companies) participate in tenders at both the state and federal levels, which is why we are focusing on this area.

"These construction projects vary, and include building roads, structures and so on, but will involve government projects where we have identified issues such as bribery to administrators, the increase in costs (of projects) and many other irregularities, both minor and major."

Earlier, Azam said based on a report by the Royal Institution of Chartered Surveyors US\$5 trillion per year in leakage value was expected to be contributed by the construction sector by 2030 if no effective measures were taken to deal with corruption.

NEW STRAITS TIMES  
Tarikh: .....2.7.SEP.2024..



## Crackdown on graft remains govt's priority, says premier

**ISKANDAR PUTERI:** Crackdown on corruption remains the government's priority to ensure that the country facilitates ease of doing business and achieves better efficiency and transparency, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said the stability provided from holding two-thirds majority in Parliament has enabled the government to ensure that Malaysia has better governance, clearing the country's image which is sometimes associated with high-level corruption and poor governance.

"It is precisely the reason why the crackdown

on corruption is clearly a priority set by this government and we must remain steadfast to make sure this continues," he said in his keynote address at Invest Malaysia Iskandar 2024 yesterday.

Anwar also called for greater involvement from the private sector to further enhance talent development in Malaysia.

He also called for the involvement of the private sector in education, in TVET (Technical and Vocational Education and Training) and technical training in AI (artificial intelligence).

He said the issue about the lack of local

talent was brought to his attention by multinational companies operating in Malaysia that felt the need for more locals to be involved at the highest level of these companies.

"Most of them expressed their concern that while they are proud of the fact that we have a disciplined and qualified workforce, we lack that at the highest level.

"The highest level must be given to the young, and they must be given the opportunity to be trained now. That has to be done together with the private sector, particularly training people through our government institutions for

its requirement.

"This is an indication how the collaborative efforts of government institutions and the private sector can fulfil the requirements of the future."

Invest Malaysia Iskandar is the fifth edition in the Invest Malaysia series for this year, following previous editions in Melbourne (March), China (virtual, April), Singapore (August) and Hong Kong (September).

The conference, by invitation, draws over 500 delegates, including foreign fixed income, equity and private equity investors. — Bernama

THE SUN  
Tarikh: 27 SEP 2024



## Nod for task force on Corruption Perception Index

**BANGI:** The government has agreed to the establishment of a special task force on the Corruption Perception Index (CPI), which will be chaired by Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Shamsul Azri said the team has the role of analysing the findings of the CPI survey and proposing recommendations and strategies for institutional and legal reforms, including the strengthening of check-and-balance mechanisms.

"On the CPI, we are all aware that through the Mid-Term Review of the 12th Malaysia Plan, the government has set a target to reach the top 25 position in the CPI in 2033 as spelt out in the Madani Economy document," he said when opening the 3rd National Level Governance, Integrity and Anti-Corruption Research Conference 2024 yesterday. - Bernama

THE SUN

27 SEP 2024

Tarikh: .....



## Department told to review SOP on weather warnings

**PUTRAJAYA:** The Natural Resources and Environmental Sustainability Ministry has instructed the Meteorological Department to review the SOP for the preparation and dissemination of weather information.

It said the department has been told to issue advisories or warnings more frequently, especially when the weather is expected to be extreme.

Its minister Nik Nazmi Nik Ahmad said the department has been advised to improve the communication aspect in disseminating weather information and warnings more effectively.

"This is to ensure the public is aware of weather conditions and can avoid untoward incidents."

He said the ministry is aware of media reports stating that the department did not issue weather warnings because the forecast that had been issued five days earlier was still effective.

He also said the monsoon transition phase, which began this week, would continue until the beginning of November, marking the end of the southwest monsoon, which has been ongoing since May 17.

Nik Nazmi said during the



Nik Nazmi said during the monsoon transition phase, the country would experience the occurrence of thunderstorms, which usually bring heavy rain and strong winds in a short period of time. — ADIB RAWI YAHYA/THESUN

monsoon transition phase, the country would experience weak winds from several directions.

"The situation could result in the occurrence of thunderstorms, which usually bring heavy rain and strong winds in a short period of time, especially in the evening and early

night in most areas in the west and interior of the Peninsula, west Sabah, and west and central Sarawak.

"Such weather conditions have the potential to cause flash floods, fallen trees and damage to structures that are not strong."

He advised the public to be

vigilant and look out for weather forecasts and warnings issued by the department through its official website, official social media account and the myCuaca app.

The public may call the department hotline at 1-300-22-1638 for more information. — Bernama



# Research shows rise in urban household **absolute poverty**

**KUALA LUMPUR:** Absolute poverty increased from 3.8% in 2019 to 4.5% in 2022, especially among urban households, according to a Khazanah Research Institute (KRI) report.

"The State of Households 2024: Households and the Pandemic 2019-2022" report stated that Kuala Lumpur had the highest household increase at 6,774, followed by Kuala Muda at 5,229 and Kota Kinabalu at 5,117.

The report also said the Covid-19 pandemic reversed earlier gains made in poverty reduction.

"The pandemic reduced the residual incomes of lower income households."

KRI reported that households with incomes of RM3,000, RM5,000, and RM11,000 and above saw a growth of 2%, 5.1% and 6.6% respectively in 2022 while those in the lower income category declined as low as 40.9%.

"Districts with higher incidences of households in absolute poverty had lower access to basic amenities, indicating a strong

► Inclusive economic development policies needed to reduce regional disparities and support income growth: Khazanah

overlap between monetary and non-monetary poverty."

The report suggested targeted and inclusive economic development policies to reduce regional disparities, improve access to basic amenities and support income growth.

KRI said Covid-19 related Employees Provident Fund withdrawals have widened income disparity, disproportionately affecting lower income contributors.

"Individuals in the lower income decile withdrew nearly all their savings (up to 98% in the age group of 30 and below as well as between 30 and 54), compared with much lower rates in higher deciles."

KRI said from 2014 to 2022, household expenditure as a

percentage of income continued to rise, with urban households seeing higher growth at 5.6% compared with rural households at 3.6%.

The report said households generally allocate the largest share of their monthly expenditures to fundamental necessities, with housing and utilities at 23.2%, groceries at 16.3%, dining out at 15.3% and transport at 11.3%.

"Food away from home is rapidly substituting food at home, with Malaysian households spending 48% of their food expenditure on food away from home post-pandemic."

KRI also found that both digital access and usage rose during the pandemic but were not sustained evenly post-pandemic, especially in

internet banking and digital health.

"The use of the internet to seek health information and make health appointments online dropped after 2021, more starkly among those aged above 60.

"The pandemic-driven surge in digital health use highlights the potential benefits of healthcare digitalisation and the challenges to its implementation."

KRI said the decade-long process of healthcare digitalisation has faced challenges in upgrading legacy infrastructure and implementing data integration across the public and private sectors, Bernama reported.

"To address these barriers, the country has transitioned to a lightweight, mobile and cloud-based approach.

"A nationwide, future-proof digital health system needs to be inclusive, patient-centric and well governed. Health data regulations and increased investment in foundational healthcare digitalisation are instrumental in achieving this goal."

THE SUN  
27 SEP 2024

Tarikh: .....